

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN WONG CHEN [SUBANG]**

**TARIKH : 4 OGOS 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

**YB TUAN WONG CHEN [SUBANG]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan akan memberi komitmen untuk meningkatkan peruntukan Parlimen dengan sekurang-kurangnya 20% daripada peruntukan semasa untuk membolehkan kesemua jawatankuasa pilihan khas mempunyai sumber daya yang mencukupi untuk meningkatkan keberkesanannya.

**JAWAPAN**

**YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (PARLIMEN DAN  
UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Keperluan peruntukan bagi perjalanan kesemua Jawatankuasa Pilihan Khas telah diambil kira dan disediakan dalam peruntukan Parlimen tahun 2020. Keperluan ini juga telah dimasukkan dalam permohonan peruntukan Parlimen tahun 2021. Parlimen Malaysia akan membuat permohonan peruntukan tambahan kepada Kementerian Kewangan bagi urusan Jawatankuasa Pilihan Khas, sekiranya diperlukan.
2. Selain itu, pembentangan Belanjawan 2020 pada 11 Oktober 2019 bahawa Kerajaan memperuntukkan RM5 juta untuk Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen di bawah inisiatif Matlamat Pembangunan Mampan (SDG).
3. Bagi keperluan sumber manusia, Parlimen Malaysia juga telah mengemukakan permohonan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia pada Februari 2020 untuk mewujudkan jawatan secara pelantikan kontrak bagi menguruskan Jawatankuasa-Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen.

Sekian, terima kasih.